

04 JUL 2002

KENDURI KESYUKURAN SEMPENA PM TARIK BALIK PELETAKAN JAWATAN

ALOR SETAR, 4 Julai (Bernama) -- Umno Kedah malam ini menganjurkan majlis kenduri kesyukuran di Kediaman Rasmi Menteri Besar di Mentaloon di sini, sempena penarikan balik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan dalam parti, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan.

Majlis itu dihadiri kira-kira 4,000 orang dari pelbagai kaum yang turut mengambil kesempatan beramah mesra dengan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Dr Mahathir dijadual melakukan lawatan kerja sehari ke negeri ini esok.

Dr Mahathir membuat pengumuman mengenai peletakan jawatannya pada akhir Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur bulan lepas tetapi menarik balik pengumuman itu tidak lama kemudian.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau akan melepaskan semua jawatannya dalam parti, BN dan kerajaan mulai Oktober 2003.

-- BERNAMA

MNH NAK